

KEWANGAN ISLAM MENARIK PERHATIAN UNIVERSITI TERKEMUKA DUNIA

Perkembangan pesat kewangan Islam di dunia menuntut kepada sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran. Dengan lebih 300 institusi kewangan Islam di seluruh dunia melalui pertumbuhan dalam lingkungan 15% hingga 20% setahun, sektor kewangan Islam diramalkan oleh syarikat perunding-cara McKinsey & Co akan mencapai nilai asset sebanyak AS\$1 trilion menjelang 2010. Sambutan luar biasa di seluruh dunia termasuk Amerika, Australia, Jepun, Perancis, United Kingdom, Jerman bahkan Itali yang mendapat perkenan Pope menambahkan lagi permintaan kepada modal insan bagi memenuhi pasaran kewangan Islam.

Artikel ini bertujuan untuk menelusuri reaksi institusi-institusi akademik di dunia dalam menangani kekurangan tenaga pakar yang diperlukan oleh industri kewangan Islam. Sekadar imbasan kepada tingginya permintaan terhadap tenaga profesional dalam institusi kewangan Islam, syarikat perunding-cara AT Kearney meramalkan bahawa lebih kurang 30,000 profesional kewangan Islam diperlukan di Timur Tengah untuk jangka masa 10 tahun akan datang. Di Malaysia sahaja, dijangkakan seramai 8,600 tenaga profesional diperlukan bagi industri perbankan Islam dan seramai 2,000 profesional dalam sektor insuran Islam pada 2012. Berdasarkan fenomena yang memberangsangkan ini, institusi-institusi pengajian tinggi terkemuka di seluruh dunia telah mula mengorak langkah menawarkan program kewangan Islam diperingkat pra-siswazah dan sarjana.

Di United Kingdom, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh universiti-universiti berprestij seperti Oxford University, Cambridge University, Durham University, Reading University, London School of Economics dan CASS Business School. Durham University mendahului institusi lain dengan menawarkan program kewangan Islam secara komprehensif dan telah melahirkan begitu ramai sarjana di peringkat Ph.D. Selain itu, Cass Business School menawarkan program executive M.B.A. pengkhususan kewangan Islam yang mendapat permintaan tinggi khususnya di kampus cawangannya di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu. Oxford Said Business School juga giat menjalankan pelbagai penyelidikan dalam bidang kewangan Islam.

Di Amerika, Harvard University telah melancarkan Projek Kewangan Islam "Islamic Finance Project" sebagai sebahagian daripada program pengajian Islam di Harvard Law School. Di Perancis pula, University of Strasbourg telah menawarkan program kewangan Islam diperingkat sarjana dan ini bertepatan dengan potensi besar pasaran kewangan Islam di Perancis dengan bilangan Muslim yang mencecah lebih 6 juta. Unikunya Itali yang terkenal dengan Vatican City juga tidak ketinggalan untuk melaksanakan kewangan Islam. International University College of Turin menawarkan program sarjana undang-undang perbandingan, ekonomi dan kewangan dengan memasukkan beberapa subjek khusus berkenaan dengan undang-undang dan kewangan Islam. Diikuti oleh Fondazione Eni Enrico Mattei sebuah institusi penyelidikan yang giat mempromosikan program akademik berkaitan kewangan Islam di Itali. Di Australia, La Trobe University merupakan institusi awal yang menawarkan kursus sarjana dalam bidang kewangan Islam. Bank-bank tempatan seperti National Australia Bank, Kuwait Finance House, HSBC dan Muslim Community Cooperative Australia menunjukkan minat dan sokongan yang tinggi terhadap kursus yang ditawarkan oleh La Trobe University ini. Di Jerman, sebuah bank Islam "Kuveyt Türk Beteiligungsbank" akan ditubuhkan secara rasmi awal tahun hadapan. Dengan bilangan Muslim yang mencecah

lebih 4 juta di Jerman menuntut institusi akademik di Jerman seperti University of Cologne untuk menawarkan program kewangan Islam.

Di Jepun, pihak berautoriti telah memperuntukkan dana khas untuk pembangunan kewangan Islam di mana universiti berprestij seperti Kyoto University, Tokyo University dan Waseda University telah dipilih sebagai institusi penyelidik untuk tujuan berkenaan. Baru-baru ni penulis berkesempatan untuk membentangkan kertas kerja di Seminar Kewangan Islam anjuran Kyoto University dan menyaksikan seriusnya institusi tersebut menjana penyelidikan dan modal insan dalam sektor ini. Program peringkat Ph.D dan sarjana mula ditawarkan secara khusus meneroka keanjalan dan potensi kewangan Islam di Jepun.

Merujuk kepada situasi di Malaysia, institusi pengajian tinggi tempatan juga telah lama menawarkan program kewangan Islam di peringkat pra-siswazah dan sarjana seperti INCEIF, UIAM, USIM, UM, UKM dan UiTM. Melihat kepada fenomena penawaran program kewangan Islam oleh universiti terkemuka dunia menuntut universiti tempatan untuk mencari "*niche*" tersendiri dan mengenal pasti kekuatan program yang ditawarkan. Fenomena ini juga tidak patut dilihat sebagai persaingan tetapi satu peluang kepada universiti tempatan untuk meneroka potensi usahasama dengan universiti terkemuka dunia. Kelebihan yang dimiliki universiti tempatan berdasarkan faktor suasana industri kewangan Islam di Malaysia yang agak terkehadapan boleh banyak membantu dalam proses pembangunan dan perkembangan akademik dalam bidang ini.

Secara umumnya, faktor perkembangan pesat industri kewangan Islam dan krisis kewangan yang melanda dunia telah membantu merangsang dan menarik perhatian universiti terkemuka dunia untuk menawarkan program akademik berkaitan kewangan Islam. Universiti tempatan juga perlu seiring dengan universiti terkemuka dunia untuk bersama-sama menyediakan modal insan yang mahir dan berkepakaran dalam bidang ini bagi memenuhi keperluan semasa sektor kewangan Islam dan juga akan datang. Potensi yang dijanjikan oleh sektor kewangan Islam adalah amat besar dan peluang ini seharusnya diambil dengan sebaik-baiknya oleh institusi pengajian tinggi di Malaysia. **(Zulkifli Hasan, Durham University, United Kingdom).**